


## Diri, Keluarga dan Pendidikan

Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye dilahirkan pada 30 Disember 1946 di Ipoh, Perak. Membesar dalam sebuah keluarga yang serba sederhana, memahirkan beliau dengan hakikat kehidupan mandiri pada usia muda. Mendiang ayah beliau menyara kehidupan keluarga dengan bekerja sebagai 'fitter' di kilang besi manakala mendiang ibu beliau pula mengambil upah mencuci kain. Beliau sering membantu ibu dengan menghantar kain ke tempat mencuci selepas waktu sekolah. Menyedari bahawa tiada kesenangan yang diperoleh tanpa kudrat sendiri, semasa cuti persekolahan beliau akan memetik buah-buahan seperti rambutan dan jambu di persekitaran rumah mereka dan dijual di pasar Pekan Menglembu bagi menambah pendapatan keluarga.

Beliau mendapat pendidikan awal di St. Michael Institution, Ipoh. Beliau mewakili sekolah dalam sukan ping pong dan badminton, manakala dalam aktiviti kokurikulum, beliau memilih untuk aktif dalam Badan Beruniform Pengakap. Beliau tertarik untuk menyertai kegiatan kokurikulum tersebut kerana nilai-nilai yang diterapkan kepada semua ahli Pengakap yang dilatih untuk membantu mereka yang bermasalah dan dalam kesusahan. Malah menurut beliau, kegiatan luar pengakap seperti aktiviti perkhemahan merupakan peluang untuk pelajar mengenali antara satu sama lain, sekali gus memberi ruang mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Seputar waktu persekolahan adalah sangat kondusif untuk menyemai benih perpaduan lantaran pada ketika usia muda sedemikianlah manusia masih lagi tulus bersahabat. Sekolah menjadi ruang pertemuan pelbagai latar manusia dan dalam keghairahan menuntut ilmu dan memahami dunia di luar lingkungan keluarga, perbezaan warna kulit, budaya dan kepercayaan agama bukan lagi aspek yang sangat dipentingkan. Perkara ini merupakan antara pandang dunia awal yang banyak mencorakkan pendirian dalam kehidupan mendatang beliau.

Semasa berada di Tingkatan Tiga, beliau bercita-cita menjadi seorang juruterbang kerana amat berminat dengan kapal terbang. Pun demikian, takdir telah menentukan jalan yang lebih besar untuk beliau hadapi. Pada akhir Tingkatan Empat, beliau telah mulai menunjukkan minat dalam politik. Semasa itu, beliau melihat politik sebagai wadah di mana beliau boleh berkhidmat untuk masyarakat dan bangsa, seterusnya menyuarakan harapan dan aspirasi rakyat.

Hanya selepas tujuh tahun bergiat aktif di pentas politik barulah Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye bertemu jodoh dengan isteri beliau iaitu Puan Sri Yap Kooi Foong. Bak kata pujangga, di sebalik kejayaan seorang lelaki, pasti berdirinya seorang wanita. Beliau amat menghargai kasih sayang, kesetiaan dan kesabaran isteri yang tabah menghadapi apa jua bentuk cabaran, seterusnya telah memungkinkannya beliau mampu melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan berkesan, baik semasa menjadi ahli politik ataupun sebagai aktivis sosial. Perkongsian hidup mereka telah dikurniakan dua orang anak lelaki iaitu Lee Hsein Loong dan Lee Hsein Meng. Anak sulung beliau telah memilih bidang kewangan dan perakaunan dan bekerja dalam sektor swasta di Kuala Lumpur, manakala anak bongsu yang berkelulusan Sains Aktuari dari London School of Economics, kini bekerja di United Kingdom. Pada ketika ini, kedua-dua anak beliau menumpukan kepada kerjaya masing-masing dan belum lagi menunjukkan minat dalam bidang politik.



**Penghargaan rakyat marhaen terhadap seorang aktivis sosial.**

Dalam setiap janji, setiap pertimbangan keputusan dan sumpah kesetiaan, faktor masa lazimnya menjadi penentu sejauh mana manusia berpegang pada janjinya. Dua dekad berlalu, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye kekal dengan keputusan untuk bersara selamanya daripada dunia politik. Beliau tidak menafikan bahawa memang pada peringkat awal beliau pernah dirisik untuk menyertai parti politik lain tetapi risikan tersebut ibarat bertepuk sebelah tangan. Lamaran takkan bersambut lantaran pilihan hatinya sudah ada. Falsafah beliau dalam politik cukup mudah, parti politik pilihan cuma satu. Tidak ada galang gantinya.

Digelar 'Mr Typewriter', legasi mengusung mesin taip Olivetti Lettera 25 dan beg berisi borang sekitar Bukit Bintang pada zaman beliau berpolitik itu telah menjadikannya sebagai seorang ikon masyarakat yang begitu disegani. Apabila diajukan persoalan tentang pengundurannya dari bidang politik, beliau menyatakan, "...saya bukanlah seorang ahli politik yang mahir bermain politik. Justeru itu saya memilih untuk bersara dari politik..." (temu bual, 27 September 2012).

## *Dari Pentas Politik ke Pentas Humanis*

Ahli Falsafah Greek Heraclitus menyatakan bahawa "tiada yang abadi kecuali perubahan." Setiap detik dalam kehidupan pasti ada perubahan. Setiap permulaan pasti ada pengakhiran. Begitu jugalah penglibatan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye dalam kancah politik nasional. Seawal usia 23 tahun beliau telah beraksi di pentas politik Malaysia dan ketika berumur 44 tahun beliau memilih untuk bersara dari politik. Pada mata kasar, perubahan rentak tari perjuangan daripada irama politik kepada irama kemanusiaan kelihatan agak canggung memandangkan ia adalah peralihan dari dua pentas yang amat berbeza. Namun demikian, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye tidak sedikit pun kekok dengan peralihan tersebut, malah ia memberi ruang dan masa yang lebih fleksibel untuk berbakti kepada masyarakat. Tambah beliau lagi, semasa menjadi ahli politik, beliau selalunya membantu secara individu namun apabila menjadi aktivis sosial, beliau membantu Organisasi Bukan Kerajaan (NGO).